

HARI :	RABU
TARIKH :	3/7/2019
M/SURAT :	4

Fasa kedua Wasiyyah Dot Com

KUALA LUMPUR 2 Julai - Wasiyyah Dot Com akan meluaskan perkhidmatannya menerusi platform lain dalam fasa kedua termasuk merancang memperkenalkan ciri-ciri keselamatan digital terkini dalam tempoh terdekat.

Menurut syarikat itu, pelaksanaan tersebut selaras dengan aspirasi Raffcomm Group untuk berada di hadapan dalam perkembangan teknologi terkini selepas melancarkan dokumentasi wasiat, hibah serta harta sepencarian secara atas talian melalui laman web *Pesanku*.

“Apabila semua peringkat pelaksanaan lengkap, *Pesanku* akan mencatatkan sejarah dalam inovasi penyediaan dokumen wasiat, hibah dan harta sepencarian.

“Ia akan menjadikan urusan menulis dan menyediakan dokumen berkaitan pengurusan harta itu lebih menarik dan semudah ABC sebagaimana slogan *Pesanku*,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Wasiyyah Dot Com yang merupakan syarikat di bawah kumpulan Raffcomm Sdn. Bhd. turut memaklumkan, pelancaran yang dijalankan semalam adalah fasa pertama *Pesanku* yang terbuka kepada sebarang



PENGERUSI Eksekutif Kumpulan Raffcomm, Md Afendi Hamdan menyampaikan cenderahati kepada Saifuddin Nasution Ismail di Kuala Lumpur, kelmarin. Turut hadir Pakar Pengurusan Pusaka dan Pencetus *Pesanku.my*, Ghazali Ibrahim.

penambahbaikan dan maklum balas orang ramai.

Inovasi terbaharu daripada syarikat Wasiyyah Dot Com itu dilancarkan secara rasmi hari ini oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Seri Saifuddin

Nasution Ismail.

Menurut syarikat itu, *Pesanku* memudahkan urusan dokumentasi wasiat, hibah dan harta sepencarian secara atas talian tanpa had masa dengan hanya melayari laman web www.pesanku.my.